



## Gadis dan Teruna

### Boleh Berkenalan Sebelum Kahwin?

En. Muhammad Ali bin Abdullah, Seremban, bertanya:

Baharu-baharu ini seorang ahli agama di Singapura, menyatakan pendapatnya di dalam akhbar, bahawa “hukum Islam membenarkan seorang gadis berkenalan dahulu dengan seorang teruna sebelum kahwin untuk mencari penyesuaian hidup.” Adakah pendapatnya ini bersesuaian dengan ajaran Islam?

Jawab: Pendapat ahli agama di Singapura yang tuan maksudkan itu, kami juga telah baca, tetapi itu hanya pendapatnya sendiri yang berdasarkan fikirannya sendiri, bukan berdasarkan ajaran Islam.

Menurut hukum Islam, seorang teruna yang hendak meminang seorang gadis, dibenarkan melihat muka dan kedua tapak tangan gadis itu. Dan menurut adab sopan santun Islam, pertemuan itu pula mestilah disaksikan oleh ibu bapa atau waris kedua belah pihak, di rumah tangga ibu bapa gadis itu sendiri bukan di tempat perkelahan – misalnya, atau di taman-taman hiburan, atau di tempat-tempat yang suci dari pandangan ramai ketika si gadis itu dibawa berjalan oleh si teruna dengan lepas bebasnya, untuk bertukar-tukar fikiran dan “untuk menjadi penyesuaian hidup.”

di dalam kitab suci *al-Qur’ān al-karīm* dan *al-Hadīth al-sharīf* tidak ada galakan yang membenarkan seorang teruna berkenal-kenalan dengan seorang gadis, walau pun kerana hendak dijadikan isteri, apa lagi si gadis itu dibawa berjalan jauh dari pandangan ibu bapa dan warisnya.

Di dalam hadis, sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhī, bahawa seorang bernama al-Mughīrah telah meminang seorang perempuan, dan manakala hal itu diketahui oleh Nabi (S.A.W), baginda pun berkata kepadanya supaya dia (al-Mughīrah) melihat perempuan – tunangannya itu, “kerana itu lebih utama” yang kerananya diharap perijodohan keduanya akan kekal dan berpanjangan.

Jelasnya nabi kita Muḥammad *ṣallā Allāh ‘alayhi wa ālihi wa ṣallam*, hanya menyuruhnya melihat rupa perempuan yang menjadi bakal isterinya itu, kalau ia berkenan maka diharap perijodohan itu akan berkekalan.

Sebenarnya masyarakat kita sekarang yang sudah sedia kacau dengan berbagai-bagai cara hidup dan adat istiadat yang bertentangan dengan Islam, kerana dihindangi oleh penyakit suka meniru kebudayaan asing itu, sangat memerlukan ahli-ahli agama yang menggalakkan supaya masyarakat Islam berpegang teguh kepada ajaran Islam dan sopan santun Islam, bukan sebaliknya.